



# Garis Panduan

# PELAKSANAAN DAPUR HEP KOLEJ KEDIAMAN UiTM

## LATAR BELAKANG

Dasar pelaksanaan DAPUR HEP di Kolej Kediaman UiTM, adalah merujuk kepada garis panduan dan peraturan bagi penggunaan dan pengurusan kemudahan DAPUR HEP di kolej kediaman bagi memastikan kemudahan tersebut digunakan dengan berkesan dan mengikut standard yang ditetapkan.

## RASIONAL

DAPUR HEP boleh merujuk kepada aktiviti dan penggunaan ruang yang disediakan oleh pengurusan kolej kediaman yang memberi fokus kepada menjaga kebajikan pelajar yang tinggal di kolej kediaman dan dikawal selia oleh pengurusan kolej kediaman.

## OBJEKTIF

Dasar pelaksanaan DAPUR HEP bertujuan untuk memastikan dapur di kolej kediaman digunakan secara efektif dan selamat, serta memberikan manfaat dan menjaga kebajikan semua pelajar yang berkeperluan menggunakannya.

## STRATEGI PELAKSANAAN

Komponen utama dasar pelaksanaan DAPUR HEP di Kolej Kediaman UiTM:

### 1 Tujuan dan Matlamat

- Menyediakan ruang atau kemudahan yang dapat digunakan oleh pelajar untuk memasak dan menyediakan tempat yang selamat untuk aktiviti berkaitan penyediaan makanan.

### 4 Peralatan dan Bahan

- Menguruskan peralatan dapur yang disediakan, termasuk peralatan memasak, pembersih, dan bahan-bahan makanan.
- Menetapkan peraturan mengenai penggunaan dan pemeliharaan peralatan serta penggantian jika berlaku kerosakan.

### 7 Pematuhan dan Penguatkuasaan

- Memantau penggunaan kemudahan, mengumpul maklum balas dari pelajar, dan menilai keberkesanan program untuk penambahbaikan berterusan.

### 2 Penggunaan dan Akses

- Menetapkan syarat untuk akses ke dapur, termasuk waktu penggunaan, jadual pengurusan, dan prosedur tempahan.
- Menentukan siapa yang dibenarkan menggunakan dapur, misalnya hanya untuk pelajar kolej yang berkeperluan atau juga melibatkan staf pengurusan kolej

### 5 Pengurusan dan Penyelenggaraan

- Menyusun jadual penyelenggaraan berkala untuk memastikan dapur berfungsi dengan baik dan peralatan berada dalam keadaan baik.
- Menetapkan prosedur untuk melaporkan kerosakan atau isu berkaitan dapur.

### 8 Sumber Bantuan dan Implikasi Kewangan

- Sumber bantuan DAPUR HEP diperolehi daripada Tabung Amanah Kolej, Agensi Zakat, Sumber dari badan NGO dan penderma persendirian.

### 3 Peraturan Keselamatan dan Kebersihan

- Menyediakan garis panduan mengenai keselamatan makanan dan keselamatan dapur, kebersihan dapur, dan pematuhan terhadap standard kebersihan.
- Menetapkan prosedur untuk pembersihan selepas penggunaan, termasuk tanggungjawab membersihkan peralatan dan ruang dapur.

### 6 Penglibatan Pelajar

- Menggalakkan pelajar untuk terlibat dalam aktiviti berkaitan dapur, seperti program memasak atau kursus asas masakan, untuk meningkatkan pengalaman mereka dan memanfaatkan kemudahan dengan lebih baik



اؤنڤورسٽي ٲا ٲيكنولوڤي مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



# DAPUR HEP KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## PERATURAN PENGGUNAAN

1. MASA PENGOPERASIAN:  
8.30 AM - 10.00 PM

2. PELAJAR PERLUH MENGISI  
BORANG PENGGUNAAN DAPUR  
TERLEBIH DAHULU SEBELUM  
PENGGUNAAN.

3. MAKSIMUM KAPASITI PELAJAR  
YANG DIBENARKAN BERADA DI  
DALAM DAPUR BAGI SETIAP  
SESI PENGGUNAAN ADALAH  
SERAMAI 4 ORANG.

4. SEBARANG PENGGUNAAN  
TANPA KEBENARAN AKAN  
DIKENAKAN TINDAKAN  
TATATERTIB.

5. SETIAP SESI PENGGUNAAN  
UNTUK MEMASAK ADALAH  
TERHAD KEPADA 1 JAM SAHAJA.

6. PELAJAR MESTILAH  
MENANGGALKAN KASUT DI LUAR  
RUANG DAPUR DAN TINGKAP  
PERLUH DIBUKA  
SEMASA PELAJAR MEMASAK.

7. PELAJAR HENDAKLAH  
SENTIASA MENJAGA  
KEBERSIHAN DAN  
KESELAMATAN KENDIRI KETIKA  
MENGUNAKAN PERALATAN  
YANG TERSEDIA.

8. BEKALAN MAKANAN ASAS  
DISEDIAKAN MENGIKUT  
KEPERLUAN.

9. PELAJAR DIWAJIBKAN UNTUK  
MEMBERSIHKAN KEMBALI  
PERALATAN YANG DIGUNAKAN  
DAN MEMBAWA PULANG BAHAN  
MASAKAN YANG DIBAWA.

10. PELAJAR DIWAJIBKAN  
UNTUK MENGENAKAN  
PAKAIAN YANG SOPAN KETIKA  
BERADA DI DALAM DAPUR.


11. MENGUBAH KEDUDUKAN  
PERABOT SERTA  
PERALATAN TERSEDIA ADALAH  
DILARANG SAMA SEKALI.

12. JIKA TERDAPAT KEROSAKAN  
KEPADA FASILITI ATAU  
PERALATAN DAPUR DI ATAS  
FAKTOR KECUAIAN SENDIRI,  
PELAJAR DIKEHENDAKI  
MEMBAYAR GANTI RUGI  
MENGIKUT HARGA TERTENTU.

13. SEKIRANYA TERJADI HAL KECEMASAN ATAU PERLUKAN BANTUAN  
SEMASA WAKTU PEJABAT, SILA HUBUNGI STAF PENGURUSAN KOLEJ,  
JIKA DILUAR WAKTU PEJABAT, SILA HUBUNGI STAF RESIDEN KOLEJ (SRK)  
ATAU JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ (JPK) YANG BERTUGAS.



اَوْنُوْرَسِيْتِي تِكْنُوْلُوْجِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



**DAPUR HEP  
KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**



**DAPUR HEP**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**EST . 2023**